

1. Pegawai JPJ didakwa terima rasuah RM1,000



Md. Zamri Atan@ Mohd Salleh (kiri) mengaku tidak bersalah atas tuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Seremban, Negeri Sembilan, semalam.

RASAH 31 Mac - Seorang pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sembilan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban di sini hari ini atas tuduhan menerima rasuah RM1,000, empat tahun lalu.

Md. Zamri Atan@ Mohd. Salleh, 36, yang juga Ketua Pemeriksa Kereta Motor JPJ negeri didakwa menerima suapan wang tunai itu daripada Ng Ken Hing sebagai upah mempercepat dan mendapatkan laporan pemeriksaan sebuah kereta di Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ Negeri Sembilan pada pukul 11 pagi, 15 Julai 2013.

Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nurdianah Mohd. Nawawi mengemukakan pertuduhan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda maksimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana lebih tinggi.

Hakim Fathiyah Idris membenarkan tertuduh yang tidak diwakili peguam diikat jamin RM7,000 dengan seorang penjamin sementara menunggu sebutan semula kes pada 2 Mei ini.

Tertuduh membayar wang jaminan tersebut.

2. TNB mula usaha peroleh pensijilan ISO 37001

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB) mula mengorak langkah dalam usaha untuk memperoleh pensijilan ISO 37001 - Sistem Pengurusan Anti Rasuah pada suku terakhir 2018.

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Pegawai Pembangunan Integriti, Kamal Ariffin Abdullah, berkata persijilan itu, buat pertama kalinya bagi syarikat berkaitan kerajaan di Malaysia, akan menyediakan jaminan kepada masyarakat dan pelabur antarabangsa bahawa TNB mempunyai prosedur dan perlindungan yang mencukupi daripada rasuah.

"Ia juga akan meningkatkan reputasi TNB sebagai sebuah syarikat yang mempunyai integriti yang tinggi dan pendirian tanpa kompromi terhadap rasuah," katanya.

Bagi merealisasikan matlamat berkenaan, sejak Februari tahun ini, syarikat utiliti itu telah membangunkan Sistem Pengurusan Integriti Korporat TNB (TCIMS) yang berasaskan pensijilan.

Antara lain, TCIMS meliputi unsur seperti usaha wajar, kewangan dan kawalan bukan kewangan, dasar mengenai bidang rasuah berisiko tinggi, dasar anti-keganasan, pengubahan wang haram, pendedahan maklumat serta latihan dan komunikasi.

Pensijilan berkenaan tepat pada masanya kerana Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 akan dikaji semula di mana peruntukan Liabiliti Korporat Baru akan diwujudkan.

Akta pindaan itu berkemungkinan mula berkuat kuasa pada 2018.

3. Pegawai PERHILITAN dituduh rasuah RM10,000



A'ZMAN Othman dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Seremban, hari ini bagi enam pertuduhan rasuah berjumlah RM10,000.

SEREMBAN: Seorang Pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini bagi enam pertuduhan rasuah berjumlah RM10,000.

Tertuduh A'zman Othman, 46, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Fathiyah Idris.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa memperoleh suapan melalui enam transaksi permindahan wang secara dalam talian daripada akaun sebuah syarikat yang melakukan perkhidmatan mencuci dan membersih bangunan Pejabat PERHILITAN Paya Indah Wetlands Jabatan Perhilitan, Dengkil, Selangor.

Suapan itu bertujuan melancarkan proses kelulusan tuntutan bayaran bulanan bagi perkhidmatan syarikat terbabit.

Kesalahan itu dilakukan di Maybank cawangan Rahang, Jalan Tuanku Antah di sini, antara 15 April sehingga 19 Oktober 2015.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) Akta yang sama yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau minimum RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nurdiyanah Mohd Nawawi, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Baharuddin Ahmad Kassim.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dan menetapkan 5 Mei ini untuk sebutan semula kes.



Rabu, 5 April 2017

4. MRT Fasa 2 Semantan-Kajang siap 97 peratus



TIMBALAN Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz

KUALA LUMPUR: Projek Transit Aliran Massa (MRT) Fasa Kedua dari stesen Semantan ke Kajang kini sudah 97 peratus siap dan berjalan mengikut jadual.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz, berkata pada ketika ini kerja-kerja akhir sedang dilaksanakan termasuk pembinaan, reka bentuk dalaman, struktur pintu masuk, laluan pejalan kaki, landskap dan pemasangan peralatan sistem elektrikal dan mekanikal.

Katanya, kerja pemeriksaan dan pentaulahan sistem akan dimulakan tidak lama lagi dan semua aktiviti itu berjalan mengikut jadual.

"Tahap kemajuan keseluruhan projek MRT (Fasa Dua) adalah 97 peratus. Seperti diumumkan, kos pembinaan keseluruhan projek MRT ini dianggarkan RM21 bilion dan kos ini tidak melebihi daripada kos disasarkan sebelum ini," katanya menjawab soalan Dr Ismail Daut (BN-Merbok) di Dewan Rakyat hari ini.

5. SPRM tahan 3 pemain Liga Perdana ambil rasuah

KUALA LUMPUR: Tiga pemain sebuah kelab bola sepak dalam Liga Perdana ditahan selepas dipercayai terbabit menerima rasuah daripada bookie untuk menentukan keputusan perlawanan, semalam.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata seorang daripada mereka ialah pemain import. Suspek berusia antara 26 hingga 29 tahun.

Bagaimanapun pemerhatian dalam carta Liga Perdana mendapati kelab berkenaan tidaklah begitu menyerlah dan berada pada kelompok agak tercorot. Bagi kes itu, mereka dipercayai mengambil antara RM10,000 hingga RM30,000 bagi menentukan keputusan perlawanan dalam Liga Perdana

"Bagaimanapun, mereka dipercayai sudah mengaut keuntungan ratusan ribu ringgit hasil daripada wang rasuah bola sepak itu.

"Setakat ini hanya tiga individu yang ditahan tetapi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan lebih ramai lagi akan ditahan berhubung siasatan kes itu pada masa terdekat," katanya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Azam Baki, ketika dihubungi BH mengesahkan tangkapan itu dan berkata pihaknya tidak akan bertolak ansur dengan perbuatan yang boleh menjatuhkan reputasi sukan negara. "Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, SPRM akan terus memantau dan menyiasat pemain-pemain bola sepak serta akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya perlu," katanya. Kelmarin, Azam mengakui isu rasuah bola sepak membabitkan pemain negara masih belum reda dan ada nama tertentu dikaitkan dengan perbuatan itu.

6. Rizab antarabangsa BNM AS\$95.4b



KUALA LUMPUR: Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah AS\$95.4 bilion (bersamaan RM422.2 bilion), pada 31 Mac 2017.

"Paras rizab itu memadai untuk membiayai 8.3 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar jangka pendek," menurut BNM dalam kenyataan, hari ini.

Komponen utama rizab antarabangsa ialah rizab mata wang asing (AS\$88.7 bilion), paras rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (AS\$0.8 bilion), Hak Pengeluaran Khas (SDR) (AS\$1.1 bilion), emas (AS\$1.5 bilion) dan aset rizab lain (AUS\$3.3 bilion).

Aset bank pusat termasuk emas dan pertukaran asing dan rizab lain termasuk SDR (RM422.156 bilion), kertas kerajaan Malaysia (RM5.966 bilion), deposit dengan institusi kewangan (RM2.417 bilion), pinjaman dan pendahuluan (RM7.808 bilion), tanah dan bangunan (RM2.113 bilion) dan aset-aset lain (RM10.225 bilion).

Liabilitinya terdiri daripada modal berbayar (RM100 juta), rizab (RM147.369 bilion), mata wang dalam edaran (RM99.452 bilion), deposit oleh institusi persekutuan (RM176.109 bilion), deposit Kerajaan Persekutuan (RM5.318 bilion), deposit lain (RM520.784 juta), kertas Bank Negara (RM9.488 bilion), peruntukan SDR (RM8.077 bilion) dan liabiliti lain (RM4.25 bilion).

7. Johor Bahru kuasa ekonomi akan datang



PELAN One Bukit Senyum. - Foto Hairul Anuar Abd Rahim

PERANGKAAN rasmi kerajaan menunjukkan Iskandar Malaysia masih kekal sebagai koridor ekonomi paling berjaya daripada lima koridor ekonomi di Malaysia.

Menurut data Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), Iskandar Malaysia terus menyaksikan rekod pelaburan dengan jumlah pelaburan terkumpul RM202.45 bilion daripada 2006 hingga Mac 2017.

Antara sektor yang dipromosikan, sektor pembuatan merekodkan komitmen pelaburan terkumpul tertinggi pada RM54.26 bilion.

Ia termasuk pelaburan daripada sektor elektrik dan elektronik, petrokimia dan oleo-kimia serta pemprosesan makanan dan pertanian.

Ia diikuti pelaburan dalam sektor logistik (RM6.03 bilion), pelancongan (RM6.03 bilion), penjagaan kesihatan (RM2.77 bilion), pendidikan (RM1.97 bilion), perkhidmatan kewangan RM1.47 bilion dan industri kreatif (RM560 juta).

Dalam sektor yang tidak dipromosi, segmen harta tanah kediaman, peruncitan dan perindustrian secara terkumpul menyumbang kepada pelaburan berjumlah RM94 bilion.

Ia diikuti sektor utiliti (RM12.96 bilion), pelaburan kerajaan, khususnya infrastruktur dan kerja awam (RM9.83 bilion) dan teknologi sedang pesat berkembang (RM2.85 bilion).

Daripada RM202.45 bilion, 51 peratus atau RM103.5 bilion mewakili pelaburan yang sudah direalisasikan.

Lima negara dengan komitmen pelaburan terkumpul tertinggi ke Iskandar Malaysia dari 2006 hingga Mac 2016 adalah China, Singapura, Amerika Syarikat (AS), Jepun dan Sepanyol.

Zon ekonomi khas itu, tahun lalu meneruskan momentumnya menuju ke hadapan, apabila memperkenalkan pelan induk pelbagai guna, One Bukit Senyum.

Berikut itu adalah salah satu fakta yang perlu anda tahu mengenai One Bukit Senyum.

Ia dibangunkan oleh Astaka Holdings Limited, yang disenaraikan di Bursa Saham Singapura.

Syarikat itu diketuai oleh pengasas dan pemegang saham utamanya, Datuk Daing A Malek Daing A Rahaman serta Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Eksekutif, Datuk Zamani Kasim.

Tahun lalu, Astaka memenangi kategori Pembangunan Kondominium Mewah Terbaik (Malaysia) pada Anugerah Hartanah Asia Tenggara (Malaysia) 2015.

Ia salah satu anugerah berprestij yang disokong oleh sekumpulan panel hakim terbaik.

Bagi memastikan tiada konflik kepentingan dan adil, anugerah itu diaudit oleh BDO, salah satu firma audit terbesar di dunia.

One Bukit Senyum secara jelas menghantar isyarat kepada pe

merhati pasaran, bahawa terdapat banyak peluang yang boleh direbut ketika pasaran hartanah yang perlahan.



Ahad, 9 April 2017

8. Kerajaan tidak cadang naikkan umur bersara

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak bercadang menaikkan umur bersara wajib daripada 60 tahun kepada 65 tahun seperti dilaporkan dalam beberapa laporan portal media.

Bagaimanapun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata kerajaan sentiasa bersifat terbuka dalam menerima cadangan dan pandangan orang ramai berkaitan usia persaraan yang bersesuaian.

"Ia perlu diperhalusi kerana membabitkan pelbagai agensi dan perubahan polisi secara menyeluruh.

"Kajian secara mendalam perlu dilakukan kerana peningkatan usia bersara wajib baru sahaja diimplementasikan kepada 60 tahun pada Julai 2013," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Semalam, Rohani dilaporkan berkata beliau menerima cadangan supaya had umur umur persaraan dinaikkan kepada 65 tahun.

Namun, katanya, kerajaan perlu membuat kajian secara menyeluruh berhubung cadangan itu sebelum membuat sebarang keputusan.



Selasa, 11 April 2017

9. Datuk Seri, anak ditahan skandal tanah di PP

KUALA LUMPUR: Datuk Seri dan anaknya yang bergelar Datuk ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung penyalahgunaan kedudukan berhubung penjualan tanah milik anak syarikat Yayasan Bumiputra Pulau Pinang Berhad.

Datuk Seri dan anaknya yang juga pemilik sebuah syarikat pemaju harta tanah terkemuka di Pulau Pinang ditahan dalam satu operasi khas SPM, pada jam 7 malam ini.

Penasihat syarikat pemaju yang berusia 74 tahun itu ditahan di Pejabat SPM Pulau Pinang manakala anaknya yang berusia 47 tahun yang juga pengarah urusan syarikat itu ditangkap di Ibu Pejabat SPM di Putrajaya.

Sumber berkata, penahanan itu susulan daripada siasatan SPRM terhadap seorang pemegang amanah yayasan itu di Pulau Pinang pada 29 Mac lalu kerana dipercayai menyalahgunakan kedudukannya bagi kepentingan peribadi.

Katanya, kedua-dua suspek itu dipercayai menjual tanah milik anak syarikat yayasan tanpa melalui proses dan tatacara yang ditetapkan serta harga yang jauh lebih rendah daripada harga asal.

"Perbuatan itu menyebabkan kerugian jutaan ringgit kepada anak syarikat milik yayasan itu sejak beberapa tahun yang lalu.

"Kedua-dua tangkapan dibuat pada jam 7 malam ketika hadir untuk memberi keterangan membantu siasatan kes itu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata kedua-duanya dijangka dibawa ke Mahkamah Majistret Georgetown esok untuk direman.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 23, Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, seorang pemegang amanah yayasan bergelar 'Datuk' direman bagi membantu siasatan SPRM selepas dipercayai menjual tanah milik anak syarikat yayasan berkenaan di negeri ini, selain membuat keputusan sendiri tanpa melalui persetujuan ahli lembaga pengarah.



Rabu, 12 April 2017

10. SPRM, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan jalin kerjasama



DATUK Dzulkifli Ahmad dan Datuk Seri Latifah Mohd Tahar mengadakan pertemuan bagi membincangkan kerjasama dalam menangani rasuah dan salah guna kuasa - Foto Ihsan SPRM

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bekerjasama dengan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan bagi berkongsi maklumat berhubung isu berkaitan rasuah dan salah guna kuasa.

Sehubungan itu, Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Dzulkifli Ahmad mengadakan pertemuan dengan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Latifah Mohd Tahar di pejabat SPM, Putrajaya hari ini.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak turut menyentuh usaha memperbaiki pentadbiran mahkamah supaya lebih mampan dan teguh dari sudut integriti.

Jurucakap SPM berkata, kedua-dua pihak juga bersetuju bekerjasama untuk penambahbaikan pentadbiran Mahkamah Khas Rasuah.

Selain itu, katanya, mereka juga sedia berkongsi maklumat dan pandangan dalam isu berkaitan rasuah, salah guna kuasa serta peningkatan kemampuan dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang serta memelihara integriti dalam badan kehakiman negara.

"SPRM berharap inisiatif ini akan dapat memelihara dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kedua-dua organisasi ini dan pada masa yang sama mencerminkan kesungguhan SPM dalam memerangi jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa di negara ini.

"Pertemuan ini juga sebagai satu usaha bagi menyambung hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak," katanya di sini

11. Bekas pemain bola sepak negara direman

PEGAWAI SPRM membawa seorang bekas pemain bola kebangsaan ke Mahkamah Majistret Putrajaya di bagi membantu siasatan SPRM berhubung kes melibatkan pasukan Majlis Sukan India Malaysia-Persatuan Bola Sepak India Malaysia (MISC-MIFA) di reman 7 hari. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

PUTRAJAYA: Seorang bekas pemain kebangsaan direman tujuh hari bermula hari ini bagi membantu siasatan rasuah mengatur keputusan perlawanan bola sepak Liga Perdana, membabitkan kelab Majlis Sukan India Malaysia-Persatuan Bola Sepak India Malaysia (MISC-MIFA).

Perintah reman dikeluarkan Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Abd Rahman di Mahkamah Majistret di sini.

Suspek berusia 43 tahun itu tiba di mahkamah pada jam 9.20 pagi dan bergari, diiringi beberapa pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Semalam, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki, mengesahkan suspek menyerah diri selepas pihaknya mengeluarkan kenyataan media bagi mengesannya untuk membantu siasatan kes.

Siasatan dibuat mengikut Seksyen 16 (b)(A) Akta SPRM 2009.

Seorang 'bookie' berusia 49 tahun direman sejak 7 April lalu sehingga Isnin ini bagi membantu siasatan kes sama.

Tiga pemain bola sepak kelab itu termasuk seorang pemain import dibebaskan dengan jaminan SPRM pada 12 April lalu selepas direman tujuh hari bagi membantu siasatan mengambil rasuah daripada 'bookie'.

12. FAM tak kompromi pengadil rasuah: TMJ

KUALA LUMPUR: Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) tidak akan berkompromi dengan pengadil yang terbabit dengan rasuah dan akan mengenakan hukuman gantung seumur hidup jika mereka didapati terbabit dengan gejala itu.



KOTA KINABALU, 8 April -- Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim mengadakan sidang media selepas mesyuarat EXCO FAM bagi sesi 2017-2021 di Magelan Sutera Harbour Resort hari ini.

Presidennya, Tunku Ismail Sultan Ibrahim, keputusan itu dibuat susulan aduan mengenai sistem pengadilan yang lemah dan mencurigakan dalam beberapa perlawanan sebelum ini sehingga mencetuskan kontroversi dalam kancah bola sepak tempatan.

"Saya sudah mengarahkan Jawatankuasa Integriti dan Persatuan Pengadil untuk menyiasat perkara ini dan ia perlu diselesaikan dengan segera. Saya mahu siasatan terperinci dilakukan sepenuhnya dan keputusannya perlu diambil minggu ini.

"Jika jelas individu terbabit gagal mengadili perlawanan dengan baik, hukuman akan dikenakan dan pengadil tersebut harus direhatkan.

"Saya juga ingin memaklumkan jika perkara ini didapati sabit kesalahan kerana unsur rasuah, pengadil tersebut harus digantung seumur hidup," katanya yang juga Tunku Mahkota Johor (TMJ) menerusi akaun rasmi Football Association of Malaysia (Official), hari ini.

Pada masa sama, Tunku Ismail turut mengesahkan badan induk itu sudah menyerahkan semua nama dan butiran pengadil serta ahli yang bertugas dalam FAM kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi pemantauan dalam usaha mencegah kegiatan tidak bermoral itu.

"FAM perlu memastikan sesiapa yang terbabit dengan bola sepak di Malaysia perlu menjalankan tugas dengan penuh integriti dan bebas korupsi," katanya.



Selasa, 18 April 2017

13. MIER saran isu pasaran tenaga kerja ditangani

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menyarankan kerajaan mencari kaedah terbaik bagi menangani isu pasaran tenaga kerja, khususnya dari segi pengangguran dan kadar pertumbuhan pendapatan yang tidak sejajar dengan kenaikan harga gerguna.

Ia susulan laporan Kesimpulan Prestasi Ekonomi Negara 2016 yang dikeluarkan institut itu hari ini yang mendapati kadar pengangguran terus meningkat kepada 3.5 peratus tahun lalu, berbanding 3.1 peratus 2015 dan 2.9 peratus pada 2014.

Pengarah Eksekutif MIER, Dr Zakariah Abdul Rashid, berkata ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih pantas tahun ini pada kadar 4.5 peratus berbanding 4.2 peratus tahun lalu yang mana sebahagian besar pertumbuhan dijana permintaan domestik.

Namun, katanya, data ekonomi mengagumkan itu tidak bermakna jika tidak memberi manfaat kepada rakyat yang diharapkan membantu pertumbuhan ekonomi lebih tinggi.

"Kerajaan sentiasa mengharapkan rakyat dapat memainkan lebih banyak peranan menerusi perbelanjaan bagi menggalakkan ekonomi ke tahap lebih tinggi, namun mereka kini berhadapan hutang isi rumah yang tinggi.

"Justeru, perlu ada langkah untuk menyelesaikan, bukan hanya terhadap jumlah pekerjaan, tetapi juga pertumbuhan pendapatan rakyat yang amat perlahan kini," katanya selepas Taklimat Ekonomi Korporat Ke-22 MIER di sini, hari ini.

Sementara itu, Felo Penyelidikan Kanan MIER, Dr Zulkiply Omar berkata, institut itu mengunjurkan ringgit seharusnya berlegar sekitar RM4.20 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) jika berdasarkan sepenuhnya kepada asas kukuh ekonomi negara.

Bagaimanapun, katanya, pergerakan mata wang tempatan itu sejak akhir-akhir ini menyaksikan ia bergerak di luar kebiasaan yang dipercayai dipengaruhi sentimen selain ekonomi Malaysia, termasuk perkembangan domestik, impak polisi kadar faedah AS dan persekitaran global.

"Langkah Bank Negara Malaysia mengetatkan kawalan dagangan kontrak tanpa serahan (NDF) ringgit berhasil mengurangkan ketidaktentuan dalam dagangan ringgit dibuktikan graf pergerakan mata wang itu setakat ini," katanya.

Mengenai penetapan harga runcit minyak, MIER berpendapat mekanisma sistem apungan terkawal atau terurus bagi penentuan harga minyak domestik secara mingguan perlu dikaji kembali selepas beberapa pusingan untuk melihat impak jangka panjang ke atas pengguna.

Zulkiply berkata secara umumnya, mekanisma yang dipacu pergerakan dagangan minyak di pasaran dunia itu lebih baik untuk mengurangkan bebanan subsidi perbelanjaan kerajaan.

"Mekanisme apungan itu masih baru dan sudah tentu pengguna akan merasa impak dia. Namun, untuk jangka panjang saya rasa selepas beberapa pusingan pelaksanaannya kerajaan kena kaji semula," katanya.

Info:

Inti Pati Taklimat Ekonomi Korporat Ke-22 MIER

- Permintaan domestik pacu pertumbuhan 2017
- Perluaskan dasar fiskal untuk lonjakan 2017
- Inflasi tinggi disebabkan perbelanjaan pengguna yang tinggi
- Pelaburan swasta lebih momentum
- Perbelanjaan kerajaan berterusan dalam pembinaan kapasiti

14. Kes rasuah EXCO Johor: Media berkumpul sejak 7.30 pagi

JOHOR BAHRU: Petugas media mula berkumpul di depan Kompleks Mahkamah Johor Bahru di sini, sejak jam 7.30 pagi tadi bagi mengikuti pertuduhan kes rasuah membabitkan EXCO Johor.

Datuk Abd Latiff Bandi bersama seorang lagi individu dijangka dituduh di Mahkamah Sesyen di sini, pagi ini.

Abd Latiff bercuti daripada portfolionya sejak 1 Mac lalu, susulan siasatan terhadap skandal rasuah harta tanah di Johor sebelum ditahan SPRM pada 9 Mac lalu bagi membantu siasatan.



EXCO Johor, Datuk Abd Latiff Bandi dikawal pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, bagi menghadapi tuduhan kes rasuah hari ini.

Pada 10 Mac lalu, Abd Latiff ditahan reman selama tujuh hari sebelum dibebaskan dengan jaminan SPRM RM200,000.

SPRM dalam satu kenyataan sebelum ini memaklumkan kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM serta Seksyen 4 Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUA) 2001.

15. Jumlah penjawat awam munasabah - KPPA

SIDANG media khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Zainal Rahim Seman di Putrajaya

PUTRAJAYA: Jumlah penjawat awam di negara ini adalah munasabah dengan nisbah satu penjawat awam kepada 19 penduduk, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Zainal Rahim Seman. Mengulas dakwaan lambakan penjawat awam di negara ini yang dibangkitkan dalam laporan

The Edge Market, beliau menjelaskan, definisi penjawat awam di negara ini adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan iaitu turut merangkumkan tiga sektor iaitu perkhidmatan kesihatan (doktor dan jururawat), keselamatan (tentera dan polis) dan pendidikan (guru).

Beliau berkata adalah tidak adil untuk membandingkan nisbah itu dengan negara lain yang tidak merangkumkan tenaga kerja dalam tiga sektor berkenaan sebagai penjawat awam. "Di beberapa negara maju nisbah penjawat awam tidak banyak berbeza malah lebih tinggi jika turut merangkumkan tiga sektor terbabit, dengan United Kingdom (1:18), Amerika Syarikat (1:14), Australia (1:12) dan

New Zealand 1:13. "Jika tiga sektor berkenaan tidak dirangkumkan sebagai penjawat awam seperti negara lain seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia nisbah penjawat awam negara ini adalah 1:44. Ini menunjukkan jumlah penjawat awam kita adalah munasabah dan mengikut keperluan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Jumlah keseluruhan guru, tentera, polis dan doktor dan jururawat sehingga 31 Mac lalu adalah 917,210 yang mana ia adalah 57 peratus daripada keseluruhan 1.6 juta penjawat awam seluruh negara," katanya pada sidang media di sini hari ini sempena genap 100 hari perkhidmatannya pada 25 April nanti. The Edge Market sebelum ini menyebut emolumen kerajaan akan meningkat kepada kira-kira RM184 bilion pada 2027 berbanding RM77.42 tahun ini kerana bilangan penjawat awam yang ramai.

16. 'Ah Chong' bebas dengan jaminan SPRM

PUTRAJAYA: Mahkamah Majistret hari ini, membebaskan bekas pemain bola sepak kebangsaan, Khairul Anuar Baharum atau 'Ah Chong' selepas direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes mengatur keputusan perlawanan Liga Perdana 2017.

Majistret Nik Isfahanie Tasnim Wan Ab Rahman membebaskan lelaki berusia 43 tahun itu dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak RM50,000 dengan tiga penjamin.

Dia sebelum ini direman bermula 15 April lalu dan disiasat di bawah Seksyen 16 (b) (A) Akta SPRM 2009 kerana disyaki mengatur perlawanan membabitkan pasukan Majlis Sukan India Malaysia-Persatuan Bola Sepak India Malaysia (MISC-MIFA).

Terdahulu, dia tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya di sini pada jam 9.30 pagi diiringi pegawai SPRM dengan berkemeja T putih dan berseluar jeans.

Khairul Anuar diwakili peguam, Ridha Abdah Subri.



MAHKAMAH Majistret membebaskan bekas pemain bola sepak kebangsaan, Khairul Anuar Baharum atau 'Ah Chong' selepas direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes mengatur keputusan perlawanan Liga Perdana 2017.

17. TN50 bersifat futuristik ikut acuan kita



Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berinteraksi semasa Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada 19 Januari, 2017. -

Pada penulisan lalu, saya mengulas lapan cabaran belia melaksanakan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Kali ini saya menyentuh mengenai mekanisme pelaksanaan TN50 yang boleh dicadangkan kepada kepemimpinan negara. Sebagai belia yang terbabit dalam proses menterjemah dasar negara ke dalam dunia pendidikan tinggi, saya berpandangan beberapa mekanisme perlu diperhalusi oleh semua pihak bagi menghasilkan pelan hala tuju jelas mengenai TN50.

Hasrat Perdana Menteri bagi mendengar pandangan dan hasrat rakyat secara keseluruhan adalah satu proses yang amat bermakna bagi rakyat kerana mereka akan merasai kesepuhyaan dalam membina hala tuju negara pada masa depan. Perdana Menteri mengikut jejak langkah ayahanda beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dalam mencorak dan merintis pembangunan negara 46 tahun dahulu.

Tiba pula masanya Datuk Seri Najib Razak membuat perubahan besar kepada kemajuan pembangunan negara.

Pada masa kini cabaran dan perubahan persekitaran besar menuntut agar pendekatan berbeza dilaksanakan.

Pendekatan membina hala tuju TN50 oleh beliau adalah langkah strategik, meliputi keseluruhan aspek kehidupan rakyat Malaysia.

Langkah utama dalam kejayaan TN50 adalah dengan meletakkan hala tuju jelas dan difahami rakyat. Hala tuju ini perlu berdasarkan keperluan semasa rakyat. Pembinaan hala tuju ini boleh dibina

berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dilontarkan rakyat atau ramalan masa depan yang dicadang berdasarkan fakta dan perubahan semasa.

Hala tuju jelas

Pembinaan hala tuju yang jelas dan tepat adalah satu prasyarat kepada kejayaan TN50. Usaha Kementerian Belia dan Sukan dalam mengumpul pandangan dan aspirasi rakyat melalui kaji selidik, media sosial, wacana ilmu dan pelbagai lagi saluran adalah pendekatan yang objektif dalam mendapatkan pandangan secara kolektif daripada semua pihak. Semua pandangan dan aspirasi ini akan menguatkan lagi usaha untuk membina hala tuju yang tepat dan jelas. Perdana Menteri juga sering kali menegaskan bahawa zaman untuk membina negara secara 'atas bawah' sudah berubah.

Zaman kini adalah untuk kita bina negara secara 'bawah atas' iaitu aspirasi daripada golongan bawah sehingga yang paling atas.

Kedua, bagi membina hala tuju TN50 yang holistik, mekanisme pengumpulan maklumat dan aspirasi rakyat secara menyeluruh perlu dilakukan. Maklumat pelbagai sumber mampu melahirkan idea yang memenuhi keperluan negara secara total pada masa depan. Maklumat mahupun aspirasi itu mestilah datang daripada kumpulan umur berbeza, lokasi penempatan berbeza, jenis pekerjaan pelbagai, kepakaran dimiliki dan kecenderungan terhadap sesuatu perkara.

Kementerian yang bertanggungjawab memainkan peranan amat baik dalam mengumpul maklumat dan aspirasi rakyat.

Pendekatan secara empirikal sedang dilakukan untuk mengumpul keseluruhan maklumat dan aspirasi rakyat. Saya difahamkan bahawa kutipan data secara digital dengan soalan berbentuk objektif dan kajian sedang dijalankan.

Pendekatan ini amat baik kerana kebanyakan rakyat di negara kita lebih cenderung untuk menggunakan medium digital bagi menerima sesuatu maklumat. Langkah pengumpulan maklumat dan aspirasi rakyat ini akan lebih lengkap jika ia dilebarkan ke kawasan yang tidak mendapat capaian digital dan internet yang meluas seperti di kawasan pedalaman.

Rakyat kemukakan pandangan

Mekanisme ketiga, selepas mengenal pasti sasaran yang pelbagai. Topik yang relevan dan penting perlu dibincangkan oleh rakyat.

Topik yang dikenal pasti ini akan menjadi bidang tumpuan utama dalam hala tuju TN50. Seperti diharatkannya Perdana Menteri topik seperti pendidikan, sains dan teknologi, alam sekitar, kesejahteraan bandar dan beberapa topik yang difikirkan penting untuk TN50, perlu dijadikan asas untuk rakyat mengemukakan pandangan dan aspirasi mereka.

Secara umumnya, topik ini sudah pasti lahir daripada pernyataan masalah yang dibangkitkan oleh rakyat.

Namun, pandangan dan aspirasi yang lahir seharusnya bersifat objektif dan praktikal untuk masa depan. Cadangan ini juga perlu meliputi inisiatif yang boleh dilakukan bagi mencapai aspirasi yang dicadangkan. Jika perkara ini dapat dilaksanakan, secara tidak langsung satu kerangka yang jelas dapat dihasilkan.

Keempat, selepas pihak kerajaan mendapat semua maklumat dan aspirasi rakyat yang diperlukan. Satu jawatankuasa terdiri daripada cendekiawan, belia, golongan profesional dan pelaksana, pemimpin tempatan serta rakyat daripada pelbagai peringkat umur duduk berbincang dan menyenarai pendek keutamaan yang akan dijadikan fokus dan hala tuju bagi TN50. Maklumat dan aspirasi yang dikumpul mengikut keutamaan itu akan dijadikan sebagai rujukan bagi menjayakan aspirasi TN50.

Kelima adalah mekanisme pemantauan dan pengukuran. Rakyat juga perlu mencadangkan mekanisme pemantauan dan pengukuran kepada cadangan dikemukakan. Mekanisme ini sebenarnya akan membantu pemimpin negara menilai sejauh mana pencapaian TN50.

Pengukuran yang dicadangkan perlu bersifat objektif dan senang difahami rakyat. Maka rakyat akan dapat melihat sejauh mana prestasi transformasi. Pemantau berkala juga perlu diwujudkan agar usaha dilakukan berterusan dan berkekalan sehingga kita mencapai sasaran diharatkannya.

Bagi melicinkan usaha ini, pihak kementerian terbabit menggunakan pendekatan mengumpul maklumat dan aspirasi rakyat melalui Facebook, Twitter, Instagram, YouTube, Program Pengaktifan, Duta TN50 dan pelbagai lagi saluran yang efektif.

Kesimpulannya, TN50 adalah satu usaha bersifat futuristik bagi menyediakan negara kita ke arah yang lebih maju pada masa depan. Penyediaan perancangan yang begitu teliti ini mampu untuk membawa rakyat Malaysia ke arah kemajuan yang terarah berdasarkan kepada acuan yang dibina sendiri oleh rakyatnya.